

Apakah Risiko/Komplikasi yang Mungkin?

Secara keseluruhannya, prosedur ini sangat selamat dan tertoleran (dapat tahan) dengan baik. Ultrabunyi adalah sangat selamat tanpa kesan-kesan buruk yang diketahui. Kebanyakan komplikasi yang berlaku dengan TEE adalah kecil. Komplikasi besar jarang terjadi dan berlaku dalam kurang daripada 1% pesakit. Sesetengah komplikasi mungkin timbul disebabkan oleh:

1. Terlalu banyak sedatif (pelali). Sedatif disuntik secara beransur-ansur agar jumlah yang diberikan adalah sesuai. Dalam sesetengah kes, sedatif yang berlebihan boleh menyebabkan kesukaran bernafas dan tekanan darah rendah. Keadaan ini boleh dipulihkan dengan suntikan antidot.
2. Prob yang dimasukkan mencederakan mulut, kerongkong atau esofagus dan menyebabkan sedikit pendarahan dan sakit kerongkong. Kecederaan yang serius jarang berlaku kerana prob TEE adalah licin, fleksibel dan muncungnya tumpul dan bulat serta digerakkan perlahan-lahan semasa prosedur.
3. Muntah semasa prosedur. Ini kerana penyedutan muntah mungkin serius. Oleh itu, ia sangat penting bahawa anda telah berpuasa (berlapar) dengan betul untuk prosedur ini.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Ahli kardiologi yang menjalankan TEE boleh memberitahu anda sesetengah keputusan awal selepas prosedur ini kecuali jika terdapatnya beberapa keadaan khusus. Keputusan akhir dan langkah rawatan anda yang seterusnya akan dibincangkan bersama ahli kardiologi anda pada temu janji klinik pesakit luar yang akan datang.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Ekokardiografi Transesofagus (TEE)



Apakah Ekokardiografi Transesofagus (TEE)?

Ekokardiografi merupakan prosedur yang menggunakan ultrabunyi untuk mengimbas jantung dan saluran darahnya. Ekokardiografi Transesofagus (TEE) ialah teknik yang memperoleh imej ekokardiografi melalui esofagus, iaitu gullet (kerongkong) atau saluran makanan di mana makanan dan minuman melaluinya untuk sampai ke perut.


Transduser kecil yang dipasang pada tiub fleksibel yang dinamakan prob TEE akan dimasukkan ke dalam mulut dan digerakkan ke esofagus dan kemudiannya diletakkan di belakang jantung. Gambar-gambar jantung yang sangat jelas boleh diperolehi melalui TEE.

Apakah Tujuan Prosedur Ini?

TEE membolehkan pemeriksaan terperinci jantung dan saluran darah besar di dada. Ia sangat berguna untuk pesakit yang imejnya tidak diperolehi dengan baik melalui Ekokardiografi Transtoraks (TTE). Ia juga berguna untuk memeriksa bahagian jantung dan saluran darah utama yang tidak dapat dilihat dengan baik melalui TTE.



Tee sedang dijalankan



Tee injap aorta dalam keratan rentas

Apa Yang Perlu Saya Jangkakan?

TEE dijalankan di Makmal Jantung Bukan Invasif oleh ahli kardiologi.

Sebelum Prosedur

Prosedur ini akan diterangkan kepada anda dan anda akan diminta untuk menandatangani borang persetujuan. Tiub plastik atau kanula kecil akan dimasukkan ke dalam urat darah dalam tangan anda untuk memudahkan pengendalian ubat. Anda juga akan diberikan semburan anestetik setempat di kerongkong untuk melalikannya, dan kemudian diminta untuk menggigit pada pelapik plastik. Suntikan sedatif mungkin diberikan untuk membantu anda relaks.

Semasa Prosedur

Anda perlu berbaring pada badan sebelah kiri anda. Prob akan dimasukkan melalui pelapik ke dalam kerongkong dan turun ke esofagus. Ia akan digerakkan dalam esofagus dan perut untuk mendapatkan imej jantung yang terbaik.

Anda mungkin mengalami ketidakselesaan semasa prob berada dalam kerongkong anda tetapi prosedur ini adalah tidak menyakitkan dan tertoleran (dapat tahan) walaupun

dalam kalangan warga tua. Anda boleh batuk jika anda terasa perlu. Jangan tertelan air liur anda. Sebaliknya, anda harus biarkan air liur anda mengalir keluar. Irama jantung, tekanan darah dan tahap oksigen anda akan dipantau dengan teliti semasa prosedur.

Keseluruhan prosedur mengambil masa lebih kurang satu jam.

Selepas Prosedur

Kanula akan dikeluarkan. Anda akan diminta berehat sekurang-kurangnya setengah jam sebelum meninggalkan makmal. Jika anda telah diberi sedatif dan masih berasa mengantuk selepas prosedur, anda mungkin diminta untuk berehat di makmal untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Penyediaan untuk Prosedur TEE

1. Anda perlu berpuasa (berlapar) untuk sekurang-kurangnya 6 jam sebelum prosedur.
2. Anda dinasihati agar diteman oleh seorang ahli keluarga apabila anda datang untuk prosedur.

Apakah Langkah-langkah Keselamatan yang Perlu Saya Ambil Selepas Prosedur?

1. Elakkan memandu pada hari yang sama selepas prosedur kerana mungkin terdapat kesan sedatif lagi.
2. Elakkan makan dan minum sekurang-kurangnya 2 jam selepas prosedur untuk membolehkan lali di kerongkong anda hilang/roda. Terdapat risiko tersedak jika kerongkong anda tidak kembali peka.
3. Anda mungkin mengalami sakit kerongkong yang ringan apabila anestetik setempat hilang/roda. Ia seharusnya tiada kesakitan di bahagian dada. Jika anda merasakan kesakitan yang serius di bahagian dada atau apabila anda menelan, kami mungkin perlu memeriksa keadaan yang jarang berlaku iaitu kecederaan pada kerongkong atau gullet. Sila jadualkan temu janji dengan klinik kardiologi untuk pemeriksaan. Jika anda memerlukan bantuan selepas waktu pejabat klinik, sila kunjungi jabatan kecemasan kami untuk penilaian.